

# Festival Kesenian Islam angkat martabat UMSKAL ke peringkat lebih tinggi

NST 20-3-2013

LABUAN: Timbalan Naib Canselor (Akadmik dan Antarabangsa) UMS, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj berkata, penganjuran Festival Kesenian Islam 2013 berjaya mengangkat martabat Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMDS-KAL) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang bertaraf antarabangsa di negara ini.

Malah katanya, nama UMSKAL turut dikenali sehingga ke peringkat antarabangsa disebabkan kehadiran beberapa artis terkenal tanah air yang mengadakan persembahan pada majlis itu.

“Ia juga telah berjaya menjulang nama UMSKAL sehingga ke peringkat antarabangsa selain di negara sendiri dan Wilayah Perseku-

tuan Labuan, “katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutupan Festival itu di Dewan Utama UMSKAL, malam kelmarin.

Majlis itu dimeriahkan dengan persembahan kumpulan nasyid Devotees dari Kuala Lumpur yang berjaya menarik kehadiran pelajar sehingga memenuhi dewan tersebut.

Hadir sama Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Musnin Matersah, Penyelaras Program, Dr Zamhar Iswandono dan Pengarah Program, Mohd Muizuddin.

Dr Shariff berkata penganjuran festival itu juga mampu memberi peluang kepada mahasiswa untuk bergiat aktif dalam bidang



**PENGHARGAAN ...** Dr Shariff (tiga kiri) menerima cenderamata sebagai tanda penghargaan daripada Dr Ismail selepas majlis penutupan Festival Kesenian Islam di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, malam kelmarin.

kokurikulum kerana kehidupan di kampus bukan hanya tertumpu kepada pengajian akademik semata-mata namun penglibatan dalam bidang lain juga amat penting.

Lebih menarik, katanya, pelajar bukan Islam juga ter-

tarik menyertai pelbagai acara seperti pertandingan tilawah, hafazan, kaligrafi Arab, Cina dan Tamil, kraftangan, pameran, siswa siswi games, kids got talent dan nasyid. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabachtimes.com.my)**